

	<p style="text-align: center;"> MAJLIS DAERAH KUBANG PASU KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN TEL : 04-9183300 / 04-9183309 FAKS : 04-9174057 </p>	<p style="text-align: center;"> BAHAGIAN KESIHATAN UNIT PELESENAN </p>
---	--	---

SYARAT-SYARAT PEMASANGAN PAPAN TANDA / IKLAN PREMIS

1. Memasang papan tanda / iklan sebagaimana visual yang dikemukakan.
2. Semua iklan hendaklah dalam bahasa Malaysia dan penggunaan bahasa lain boleh digunakan di atas papan iklan yang sama dengan syarat ianya tidak melebihi separuh besarnya daripada keluasan tulisan dalam bahasa Malaysia dan juga tidak melebihi separuh daripada keluasan yang digunakan bagi bahasa Malaysia atas papan tanda/ iklan yang dipamerkan itu.
3. Pemasangan papan tanda / iklan yang menutup tingkap, pintu serta tempat yang menghalang pengudaraan dan pengcahayaan adalah tidak dibenarkan.
4. Iklan rokok, minuman keras dan iklan yang menjolok mata tidak dibenarkan untuk dipamerkan.
5. Warna dan rupa iklan yang akan dipasang tidak boleh menimbulkan gangguan / kekeliruan dengan tanda jalanraya.
6. Sebarang iklan yang dipasang menegak dan melunjur keluar dari premis bangunan mestilah :
 - 6.1 Tidak ada jarak dari tepi bangunan.
 - 6.2 Paras bawah papan hendaklah sama dengan parasan tingkat pertama.
 - 6.3 Susunan perkataan hendaklah dari kiri ke kanan dan tidak boleh daripada bawah atau sebaliknya.
7. Firemans Emergency Switch adalah perlu bagi pembinaan papan tanda / iklan yang memerlukan bekalan tenaga elektrik (Iklan Bercahaya).
8. Pihak tuan / puan dikehendaki memasang satu iklan seragam untuk pejalan kaki yang menunjukkan Nama / Perniagaan. Iklan ini hendaklah dipasang secara tergantung pada siling dengari ukuran 3' x 8' dan ianya dikecualikan dari bayaran lesen.
9. Pembayaran balik deposit akan dikembalikan setelah MDKP menerima surat dan resit bayaran dari pelesen menyatakan iklan telah diturunkan atau pembatalan lesen.
10. Pihak tuan / puan dikehendaki mematuhi semua syarat-syarat tambahan dan arahan MDKP dari masa ke semasa berhubung dengan pemasangan iklan/papan tanda.

PENALTI

11. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas ATAU tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan MDKP boleh mengambil tindakan meroboh ATAU tindakan Mahkamah.